



HENTIAN GLOTIS DALAM KATA TANYA DIALEK ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN

(Glottal Stops in Question Words of the Jakun Indigenous People's Dialect)

Muhammad Fareez Adli Zakaria^{1*}, Mohamad Suhaizi Suhaimi¹

¹Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 84600 Muar, Malaysia

*Corresponding Author Email: msuhaizi@iium.edu.my

Received: 26 June 2022 • Accepted: 20 July 2022 • Published: 31 October 2022

Abstract

The Jakun tribe is one of the Orang Asli tribes in Malaysia. The Orang Asli community, especially the Jakun people, have their own dialect. The dialect spoken by them is indeed different from other dialects and even differences in pronunciation are detected among themselves who come from the same race in different places. Although the difference is not very significant, but it is enough to cause confusion and annoyance between them. Therefore, this study aims to identify and analyze the differences in the pronunciation of glottal stops in the question words of the Jakun dialect in Kampung Sentosa, Lenga and Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. This study applies qualitative methods that involve several research instruments such as interview methods, observation methods and library methods. The snowball sampling method and the respondent acquisition i.e. NORMs were used in this study to obtain respondents who coincided with the desired characteristics. The findings of the study showed that eight (8) question words were listed to see the differences in glottal stop pronunciation between Kampung Sentosa, Lenga and Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. As a result, the aspect of length has been identified distinguishing the way of pronunciation of glottal stops between the two villages and it is elaborated in the findings section of the study.

Keywords: *Jakun Tribe; Dialect; Glottal Stops; Question Words; Aspect of Length*

Abstrak

Suku kaum Jakun merupakan salah satu suku kaum Orang Asli di Malaysia. Masyarakat Orang Asli khususnya kaum Jakun ini mempunyai dialeknya yang tersendiri. Dialek yang dituturkan oleh mereka ini sememangnya mempunyai perbezaan dengan dialek yang lain malah perbezaan cara sebutan juga turut dikesan dalam kalangan mereka sendiri yang datang dari kaum yang sama di penempatan yang berbeza. Walaupun perbezaan tersebut tidak terlalu ketara, namun perkara tersebut sudah cukup untuk menimbulkan kekeliruan dan kegusaran antara mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis perbezaan sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang melibatkan beberapa instrumen kajian seperti kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan. Kaedah persampelan bola salji dan pendekatan pemerolehan responden, iaitu NORMs turut digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan responden kajian yang bertepatan dengan ciri yang dikehendaki. Dapatan kajian telah menunjukkan sebanyak lapan (8) kata tanya telah disenaraikan bagi melihat perbezaan sebutan hentian glotis antara Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Hasilnya, aspek kepanjangan telah dikenal pasti membezakan cara sebutan hentian glotis antara kedua-dua kampung dan perkara tersebut dihuraikan dengan lebih terperinci dalam bahagian dapatan kajian.

Kata kunci: Kaum Jakun; dialek; hentian glotis; kata tanya; kepanjangan

Cite as: Muhammad Fareez Adli Zakaria & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Hentian Glotis dalam Kata Tanya Dialek Orang Asli Suku Kaum. *Asian People Journal*, 5(2), 41-49.

PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Terdapat tiga kaum majoriti yang mempunyai populasi yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India dan kaum minoriti yang lain seperti kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak termasuklah masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Setiap kaum yang wujud di Malaysia khususnya masyarakat Orang Asli mempunyai bahasa, budaya, kepercayaan dan amalan yang tersendiri bagi membentuk identiti kaum mereka yang unik dan istimewa. Pembentukan identiti masyarakat Orang Asli ini perlu diteruskan dan dipelihara bagi menjamin kelangsungan kaum mereka yang diwarisi dari zaman ke zaman.

Masyarakat Orang Asli merupakan salah satu kaum minoriti yang diklasifikasikan sebagai 'Bumiputera'. Masyarakat Orang Asli ini merupakan penduduk awal di Malaysia yang mempunyai tiga bangsa yang utama, iaitu Senoi, Negrito dan Melayu-Proto (Ismail & Sa'ari, 2005). Setiap bangsa yang besar ini dibahagikan kepada beberapa suku kaum. Bagi bangsa Senoi, bangsa ini terbahagi kepada suku kaum Semai, Semoq Beri, Che Wong, Temiar, Jah Hut dan Mah Meri. Bangsa Negrito pula terbahagi kepada suku kaum Lanoh, Kentaq, Jahai, Mendriq, Kensiu dan Bateq manakala bangsa Melayu-Proto dibahagikan kepada beberapa suku kaum seperti suku kaum Semelai, Jakun, Temuan, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2009).

Suku kaum Jakun merupakan salah satu suku kaum Melayu-Proto yang tinggal di Selatan Semenanjung Malaysia (Sa'at & Zakaria, 2013). Menurut mereka lagi, suku kaum Jakun ini dikatakan berasal dari Yunan, Selatan

China dan mengamalkan kepercayaan animisme walaupun ada di antara mereka yang menganut agama Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya. Pengaruh kehidupan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang dikelilingi alam semulajadi seperti sungai, gunung-ganang, bukit-bukau dan sebagainya merupakan faktor utama masyarakat itu cenderung untuk mengamalkan kepercayaan Animisme (Sa'at & Zakaria, 2013).

Suku kaum Jakun juga mempunyai dialek dan bahasanya yang tersendiri yang merupakan salah satu perlambangan identiti suku kaum mereka. Menurut Devianty (2017), bahasa merupakan sarana komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu idea, pemikiran, dan perasaan kepada orang lain. Selain itu, bahasa juga mempunyai pelbagai variasi, antaranya ialah dialek. Penyebaran sesuatu dialek amat dipengaruhi oleh keadaan geografi atau bentuk muka bumi di persekitaran kawasan kajian seperti di lembangan sungai, bukit-bukau, hutan, tanah pamah dan tasik (Shahidi et al., 2020). Berdasarkan pendefinisian dan penerangan mengenai dialek dan bahasa tersebut, maka dapat dijelaskan bahawa dialek kaum Jakun mempunyai variasi kosa kata dan cara sebutannya yang tersendiri serta berbeza dengan dialek yang lain.

Kajian mengenai dialek amat sinonim dengan bidang Fonologi yang mengkaji sistem bunyi bahasa. Menurut Nazir (2013), fonologi merupakan bidang yang mengkaji bunyi-bunyi yang diucapkan melalui mulut manusia dan bunyi-bunyi tersebut mempunyai makna tertentu. Oleh hal yang demikian, bidang fonologi diaplikasikan dalam kajian ini bagi melihat secara teliti dialek suku kaum Jakun di dua penempatan yang berbeza iaitu Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Walaupun mereka dari suku kaum yang sama, jarak yang memisahkan mereka telah menyebabkan cara sebutan perkataan mereka dilihat sedikit berbeza yang mendorong perkara tersebut perlu dianalisis secara akademik. Gaya hidup mereka yang bercampur dengan masyarakat sekitar yang bukan daripada suku kaum mereka juga menjadi faktor yang signifikan dalam isu perbezaan sebutan ini.

Kajian ini juga turut berfokus kepada salah satu subtopik dalam bidang fonologi iaitu hentian glotis. Menurut Kasim (2020), perkataan bahasa Jakun banyak menerima hentian glotis dan perkara ini jelas menonjolkan bunyi dialek Jakun yang bersifat kuno dan arkaik. Menurut beliau lagi, penyisipan hentian glotis dalam dialek Jakun biasanya wujud di akhir perkataan yang mempunyai vokal /i/, /u/, /a/ dan /o. Contohnya, perkataan [kami] dalam bahasa Melayu akan menjadi [kamiʔ] dalam dialek Jakun. Hal ini jelas menunjukkan dialek Jakun tidak menerima vokal di akhir kata. Selain itu, hentian glotis dalam dialek Jakun ini juga akan diteliti melalui salah satu golongan kata dalam bahasa Melayu iaitu kata tanya yang terdiri daripada apa, berapa, mana, siapa, bagaimana, bila, mengapa, dan kenapa. Kesemua kata tanya ini dilihat menerima vokal /a/ di akhir kata yang mendorong penyisipan hentian glotis dalam dialek Jakun. Selain itu, kata tanya juga merupakan perkataan yang sering digunakan dalam percakapan seharian. Seterusnya, kajian ini telah menetapkan dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti perbezaan sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong dan menganalisis sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong.

Pernyataan Masalah

Orang Asli merupakan masyarakat peribumi yang mempunyai kira-kira 18 suku kaum di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli ini dilihat mempunyai dialek, bahasa, budaya, adat resam dan pantang larangnya yang tersendiri dan berbeza dengan kaum lain sehingga perbezaan itu dapat dilihat antara suku kaum masyarakat Orang Asli itu sendiri. Bagi suku kaum Jakun, perbezaan dari sudut sebutan dialek ini mungkin dipengaruhi oleh corak

kehidupan mereka yang kurang bercampur dengan suku kaum mereka sendiri yang tinggal di penempatan yang berbeza. Hal ini seiring dengan pernyataan oleh Ruzana (2009) bahawa masyarakat Orang Asli kurang menjalin hubungan dengan masyarakat lain. Justeru, perkara ini akan mengganggu proses komunikasi antara suku kaum yang sama yang tinggal di penempatan yang berbeza.

Selain itu, sikap dan keadaan hidup mereka yang mengehendkan hubungan mereka dengan dunia luar walaupun dengan suku kaum mereka sendiri akan menimbulkan kekeliruan dalam aspek perbezaan sebutan dialek apabila mereka berjumpa. Menurut Yaakub (2012), kekeliruan penggunaan bahasa yang berbeza mengikut etnik boleh memberi tanggapan yang tidak baik dan perlu diselesaikan secara akademik untuk memberi pemahaman yang tepat. Kekeliruan yang timbul ini akan mengakibatkan masyarakat Orang Asli cenderung untuk tidak bertutur menggunakan dialek mereka sendiri. Hal ini dikuatkan lagi oleh pernyataan daripada Kasim (2021), bahawa informan kajiannya iaitu masyarakat Orang Asli yang berasal dari Kampung Punjut dan Kampung Seri Kenangan berdepan kesukaran untuk berkomunikasi dengan Orang Asli Jakun dari kampung yang lain kerana terdapat beberapa perkataan yang dituturkan tidak sama dari sudut kosa kata dan bunyi. Perkara ini secara tidak langsung akan menyebabkan dialek Orang Asli khususnya dialek Jakun akan dipinggirkan dan akan mengakibatkan dialek ini diancam kepupusan.

METODOLOGI

Kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kualitatif yang dilihat lebih fleksibel dan memudahkan pengkaji menjalankan kajian mengikut aturan seperti yang dirancang. Menurut Jasmi (2012), kaedah kualitatif merupakan kaedah yang menerapkan usaha untuk mencari dan menerangkan dapatan yang bukan berbentuk numerikal walaupun terdapat keterangan yang berbentuk statistik. Menurut beliau lagi, kaedah ini sesuai diaplikasikan dalam kajian yang memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum dalam sesuatu tindakan sosial (Jasmi, 2012). Oleh hal yang demikian, kaedah kualitatif amat sesuai diterapkan dalam kajian ini berikutan kajian ini memberi fokus tentang perihal manusia iaitu mengenai dialek masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Seterusnya, Siah telah memperkenalkan pengkaji kepada responden kedua iaitu Yati, 32 tahun yang merupakan ketua di Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Walau bagaimanapun, Yati didapati tidak memenuhi kriteria responden yang ditentukan berikutan dia bukan berasal dari kampung tersebut. Oleh hal yang demikian, Yati telah memperkenalkan pengkaji kepada Rita, 47 tahun yang merupakan penduduk asal Kampung Bukit Panjang dan juga masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Melalui kaedah persampelan ini, pengkaji telah memperoleh responden yang dikehendaki dan telah membantu pengkaji memperoleh dapatan yang jelas dan utuh.

Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan pemerolehan responden oleh Chambers dan Trudgill (1999) iaitu NORMs. NORMs merupakan akronim bagi Non-mobile (penduduk asal), Old (golongan tua), Rural (tinggal di pedalaman) dan Males (lelaki) yang merupakan kriteria khusus pemilihan responden namun pendekatan ini juga telah diubah suai mengikut kesesuaian kajian ini. Pengkaji telah menetapkan lingkungan umur responden iaitu dari 45 tahun sehingga 60 tahun dan mereka merupakan penduduk asal kampung tersebut. Responden-responden yang dipilih juga merupakan penutur natif dialek Jakun yang tinggal di pedalaman. Namun begitu, pengkaji hanya memberi fokus kepada responden perempuan berikutan kerjasama yang kurang efektif daripada responden lelaki masyarakat Orang Asli kaum Jakun. Oleh hal yang demikian, dapatan yang diperoleh dalam kajian ini dikira absah dan benar.

Proses pengumpulan data telah melalui dua kaedah iaitu kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan. Bagi kaedah lapangan, pengkaji telah menemu bual dan membuat pemerhatian terhadap responden kajian. Pengkaji telah meninjau ke lokasi kajian iaitu di Kampung Sentosa dan Kampung Bukit Panjang untuk mengumpul data daripada responden. Sebanyak lapan kata tanya telah dirujuk kepada responden bagi mengetahui cara sebutannya dalam dialek Jakun dan seterusnya melihat perbezaan cara sebutan antara dua kampung yang telah ditinjau. Pengkaji telah menggunakan simbol fonetik *International Phonetics Alphabet* (IPA) bagi tujuan transkripsi fonetik dalam paparan data kajian. Proses penganalisan data merupakan rentetan daripada hasil kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan dalam proses pengumpulan data. Analisis data didefinisikan sebagai kebolehan atau kaedah memproses data menjadi maklumat yang mudah difahami dan membantu menyelesaikan sesuatu masalah (Nazir et al., 2020). Oleh hal yang demikian, data yang diperolehi akan dianalisis secara kritis bagi menukar data tersebut kepada sesuatu yang bermaklumat dan bermanfaat kepada pembaca. Data yang diperolehi telah dipersembahkan dalam bentuk jadual dan diuraikan secara deskriptif dalam bahagian dapatan kajian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan dan analisis kajian secara terperinci. Dapatan kajian akan dibentangkan berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenal pasti perbezaan sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong dan menganalisis sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek suku kaum Jakun di Kampung Sentosa Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Sebanyak lapan kata tanya disenaraikan dalam jadual bagi melihat perbezaan cara sebutan dari responden Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Seterusnya, perbezaan sebutan tersebut dianalisis dan diuraikan secara teliti.

Pengkaji telah merujuk buku Tatabahasa Dewan (2016) bagi mengumpul kata tanya yang digunakan dalam bahasa Melayu. Hal ini bagi memastikan pengkaji telah menyenaraikan kesemua kata tanya dengan lengkap untuk diajukan kepada responden kajian. Justeru, Jadual 1 menyenaraikan kata tanya dan perbezaan sebutan antara responden di Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong.

Jadual 1: Perbezaan Sebutan Kata Tanya Bagi Kampung Sentosa dan Kampung Bukit Panjang

No.	Kata Tanya	Kampung Sentosa	Kampung Bukit Panjang
1.	Apa	[apaʔ]	[apa:ʔ]
2.	Bila	[bilaʔ]	[bila:ʔ]
3.	Siapa	[sapaʔ]	[sapa:ʔ]
4.	Kenapa	[kənaʔapaʔ]	[kənaʔapa:ʔ]
5.	Mengapa	[məŋapaʔ]	[məŋapa:ʔ]
6.	Berapa	[bərapaʔ]	[bərapa:ʔ]
7.	Mana	[manaʔ]	[mana:ʔ]
8.	Bagaimana	[bəgaiʔmanaʔ]	[bəgaiʔmana:ʔ]

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji telah mengenal pasti perbezaan sebutan hentian glotis dalam kata tanya dialek kaum Jakun bagi dua penempatan yang berbeza, iaitu Kampung Sentosa, Lenga dan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Perbezaan ini telah dikenal pasti selepas pengkaji merujuk senarai kata tanya tersebut kepada responden dari kedua-dua penempatan. Walaupun mereka dari suku kaum yang sama, cara sebutan dan intonasi mereka dilihat mempunyai sedikit perbezaan. Contohnya, kata tanya 'siapa' disebut sebagai [sapa?] di Kampung Sentosa, namun di Kampung Bukit Panjang disebut sebagai [sapa:~?] selepas disisip dengan aspek kepanjangan. Justeru, sebutan yang mempunyai kepanjangan walaupun melibatkan suku kaum yang sama menampakkan ciri-ciri yang unik dalam sesebuah kajian dialek.

Dialek kaum Jakun sememangnya mempunyai perbezaan yang ketara dengan bahasa Melayu baku dan perbezaan sebutan tersebut turut dikesan antara suku kaum mereka sendiri yang tinggal di penempatan yang berbeza. Perbezaan itu dilihat apabila wujudnya aspek kepanjangan (:~) sebelum hentian glotis dalam kata tanya pada sebutan responden yang tinggal di Kampung Bukit Panjang. Contohnya, kata tanya 'apa' disebut sebagai [apa?] di Kampung Sentosa dan [apa:~?] bagi sebutan di Kampung Bukit Panjang. Oleh hal yang demikian, aspek kepanjangan tersebut telah menghadirkan suatu melodi pertuturan yang membezakan cara bertutur masyarakat Orang Asli kaum Jakun di kedua-dua kampung.

Selain itu, penyisipan aspek kepanjangan tersebut telah mempengaruhi intonasi percakapan mereka yang menyebabkan percakapan mereka berbunyi lebih tegas dan kuat berbanding responden yang tinggal di Kampung Sentosa. Walaupun mereka masih mengekalkan kehadiran hentian glotis pada akhir perkataan yang diakhiri dengan huruf vokal, penyisipan aspek kepanjangan tersebut telah membezakan cara sebutan mereka dan menimbulkan kekeliruan dan kesukaran untuk berkomunikasi antara mereka. Tambahan pula, corak kehidupan mereka yang menghadkan hubungan mereka dengan dunia luar telah menyukarkan lagi proses komunikasi walaupun antara suku kaum mereka yang tinggal di penempatan yang berbeza. Sungguhpun demikian, arus pemodenan kini telah memaksa mereka menjalin hubungan dengan masyarakat sekitar bagi menjamin kelangsungan hidup mereka.

Perbezaan cara sebutan antara masyarakat Orang Asli di Kampung Sentosa dan Kampung Bukit Panjang berkemungkinan disebabkan oleh pengaruh dialek masyarakat sekitar. Hubungan yang dijalinan dengan masyarakat sekitar telah sedikit sebanyak mempengaruhi cara bertutur masyarakat Orang Asli kaum Jakun apabila berlakunya pencampuran dialek antara masyarakat Orang Asli kaum Jakun dengan masyarakat sekitar. Walaupun dialek Orang Asli kaum Jakun telah dipengaruhi oleh dialek masyarakat sekitar, mereka masih mengekalkan identiti dialek mereka bagi membezakan dialek mereka dengan masyarakat sekitar. Kedudukan penempatan mereka yang berada di daerah Muar memungkinkan dialek mereka dipengaruhi oleh dialek-dialek di bawah subdialek Muar. Menurut Omar (2008), beliau telah mengklasifikasikan dialek Johor kepada tiga bahagian, iaitu subdialek Johor Baharu, subdialek Muar dan subdialek Mersing.

Menurut Jalaluddin et al. (2020), dialek Johor telah disebarkan melalui penghijrahan masyarakat luar yang terdiri daripada masyarakat Jawa, Banjar, Bugis, Minang dan penghijrahan dalaman oleh masyarakat Terengganu, Kelantan dan Melaka ke Johor. Menurut beliau lagi, hal ini berlaku selepas Portugis menjatuhkan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511 dan pusat perdagangan dunia pada ketika itu telah diterajui semula oleh negeri Johor sehingga dapat menarik perhatian masyarakat luar untuk berdagang di negeri Johor. Pada ketika itu, sungai merupakan laluan utama pedagang untuk mengimport dan mengeksport barang dagangan mereka. Hal ini berkemungkinan menjadi faktor utama dialek Johor dapat disebarkan ke seluruh negeri Johor. Begitu juga

penyebaran subdialek Muar yang disebarkan melalui laluan sungai sehingga dapat mempengaruhi dialek masyarakat Orang Asli kaum Jakun di Kampung Bukit Panjang. Hal ini disokong oleh pernyataan Jalaluddin et al. (2016), aliran sungai merupakan jalan perhubungan masyarakat terdahulu yang secara tidak langsung mampu menghubungkan satu dialek dengan dialek yang lain.

Berdasarkan analisis yang mendalam dilakukan terhadap subdialek Muar, pengkaji telah mengenal pasti salah satu dialek di bawah subdialek Muar yang mempengaruhi pertuturan masyarakat Orang Asli kaum Jakun di Kampung Bukit Panjang, iaitu dialek Gombang yang dituturkan oleh penutur jati di Kampung Gombang. Kampung Gombang merupakan sebuah kampung kecil yang terletak di mukim Lenga, daerah Muar. Menurut Rosyida Ahmad, 38 tahun, yang merupakan penduduk asal Kampung Gombang, jumlah penduduk yang tinggal di kampung tersebut adalah sekitar 100 orang sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, ramai penduduk kampung tersebut yang berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih terjamin. Walau bagaimanapun, penduduk veteran yang tinggal di kampung tersebut masih bertutur menggunakan dialek Gombang.

Menurut beliau lagi, dialek Gombang yang dituturkan mempunyai perbezaan dengan dialek Lenga walaupun Kampung Gombang berada di mukim Lenga. Perbezaan tersebut dapat dikesan melalui cara bertutur penduduk Kampung Gombang yang mempunyai melodinya yang tersendiri dan cenderung untuk bercakap meleret dan panjang di akhir perkataan dan perkara tersebut tidak berlaku dalam dialek Lenga. Hal ini seiring dengan dapatan yang diperoleh daripada masyarakat Orang Asli kaum Jakun yang tinggal di Kampung Bukit Panjang yang menyisipkan aspek kepanjangan di akhir perkataan sebelum hentian glotis dalam kata tanya. Oleh hal yang demikian, pencampuran dialek ini telah dikenal pasti apabila kedua-dua dialek mempunyai ciri yang sama, iaitu kewujudan aspek kepanjangan (:) di akhir perkataan.

Selain itu, sebutan kata tanya bagi masyarakat Orang Asli kaum Jakun juga mempunyai ciri-ciri tertentu berdasarkan aspek-aspek yang dikenal pasti. Aspek yang pertama ialah aspek penambahan. Kesemua kata tanya yang disenaraikan mengalami aspek penambahan, iaitu penambahan hentian glotis (?) di akhir perkataan. Contohnya, kata tanya 'bila' disebut sebagai [bila?] dalam dialek Jakun di Kampung Sentosa dan [bila:?] di Kampung Bukit Panjang. Penambahan hentian glotis juga turut berlaku di tengah perkataan namun hanya berlaku pada kata tanya 'kenapa' sahaja. Sebagai contoh, kata tanya 'kenapa' disebut sebagai [kəna?apa?] di Kampung Sentosa dan [kəna?apa:] di Kampung Bukit Panjang.

Seterusnya, terdapat kata tanya dalam dialek Jakun yang mengalami aspek pengguguran. Contohnya, kata tanya 'siapa' mengalami pengguguran vokal /i/ di awal suku kata yang menjadikan sebutannya berbunyi [sapa?] di Kampung Sentosa dan [sapa:?] di Kampung Bukit Panjang. Selain itu, terdapat kata tanya dalam dialek Orang Asli kaum Jakun yang mengalami aspek penggantian. Aspek ini telah dikenal pasti melalui kata tanya 'bagaimana' yang digugurkan vokal /a/ dan digantikan dengan vokal /ə/ di awal suku kata yang menjadikan sebutannya berbunyi [bəgai?mana?]. Aspek-aspek yang telah diuraikan ini jelas menunjukkan keunikan dialek masyarakat Orang Asli kaum Jakun yang membentuk identiti kaum mereka sejak zaman berzaman.

KESIMPULAN

Sebutan hentian glotis dalam kata tanya bagi dialek Orang Asli kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga mempunyai perbezaan dengan Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong. Walaupun mereka berasal dari suku kaum

yang sama, perbezaan cara sebutan tersebut jelas terlihat kerana dipengaruhi oleh dialek masyarakat sekitar. Dialek Gombang telah dikenal pasti memberi pengaruh terhadap dialek Jakun di Kampung Bukit Panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana, kedua-dua dialek menyisipkan aspek kepanjangan dalam pertuturan namun perkara ini tidak berlaku dalam dialek Orang Asli kaum Jakun di Kampung Sentosa.

Perbezaan sebutan ini telah membuktikan keunikan dialek masyarakat Orang Asli yang perlu diberikan perhatian dan didokumentasikan dari semasa ke semasa. Pendokumentasian secara akademik dialek masyarakat Orang Asli ini akan memelihara dialek ini daripada diancam kepupusan yang akan merugikan negara. Khazanah negara yang berharga ini harus dijaga supaya generasi yang akan datang juga dapat mengetahui keunikan masyarakat Orang Asli khususnya berkenaan dialek yang dituturkan oleh mereka. Pengkaji berharap kajian berkenaan masyarakat Orang Asli ini akan terus giat dijalankan dalam pelbagai bidang kajian oleh pengkaji-pengkaji akan datang. Usaha murni ini sedikit sebanyak akan memberi manfaat kepada banyak pihak di samping membantu mengangkat martabat masyarakat Orang Asli yang tinggal di negara ini.

RUJUKAN

- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1999). *Dialectology*. London, United Kingdom: Cambridge Press.
- Devianty, R. (2017). Bahasa Sebagai Cermin Kebudayaan. *Jurnal tarbiyah*, 24(2). 226-246.
- Ismail, H., & Sa'ari, C. Z. (2005). Masyarakat Orang Asli Dan Pembangunan Insaniah. *Jurnal CITU*, 1(2), 67-82.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Perniagaan Rita
- Jalaluddin, N. H., Sanit, N., Ahmad, Z., & Radzi, H. M. (2016). Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1).
- Jalaluddin, N. H., Saari, K. A., Radzi, H., & Sultan, F. M. M. (2020). Migrasi dan Lanskap Baharu Dialek di Johor (Migrations and New Dialect Landscapes of Johor). *Akademika*, 90(3).
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Kasim, M. R. (2020). Kepentingan Variasi Fonologi Kata Pinjaman Bahasa Melayu yang Dituturkan oleh Orang Asli Jakun kepada Kajian Linguistik Melayu: Analisis Fonologi Atur Rumus. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 131-150.
- Kasim, M. R. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 21-44
- Mohammad, W. M. R. W (2009). Trend Asimilasi Penggunaan Bahasa Melayu dan Nilai-Nilai Kemelayuan dalam Kalangan Masyarakat Baba dan Nyonya. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nazir, F., Rosli, N. J., & Nahar, N. A. (2020). Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu. SYFE Management Sdn Bhd.

- Nazir, F. (2013). Ragam Bahasa Komuniti Pakistan: Suatu Analisis Linguistik. *Journal of Techno-Social*, 5(1), 34-45.
- Omar, A. H. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shahidi, A. H., Azaharuddin, M. F., Aman, R., & Shabri, M. S. (2020). Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi (Isogloss mapping of Terengganu dialect variations based on geographic information system applications). *Geografia*, 16(4), 15-22.
- Sa'at, S. F. & Zakaria, J. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 83-88.
- Yaakub, N. (2012). *Isu Bahasa: Kekeliruan Penggunaan Bahasa*. Dipetik daripada <http://abihulwa.blogspot.com/2012/01/isu-bahasa-kekeliruan-penggunaan-bahasa.html>